Objektif utama bahagian ini ialah untuk memastikan premis pengilang keluaran farmaseutikal dan ubat-ubatan tradisional mematuhi keperluan Amalan Perkilangan Baik (APB). Bahagian ini juga bekerjasama dengan Unit Penguatkuasa Farmasi Negeri dalam memastikan premis pengimport dan pemborong mematuhi keperluan Amalan Penstoran Baik (ASB).

AKTIVITI-AKTIVITI

Bahagian ini menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- Memeriksa premis pengilang, pengimport dan pemborong keluaran-keluaran berdaftar
- Memproses permohonan dan mengeluarkan lesen pengilang, pengimport dan pemborong keluaran-keluaran berdaftar
- Mengeluarkan senarai tambahan keluaran-keluaran berdaftar
- Menilai pelan susun-atur premis pengilang keluaran berdaftar
- Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada industri berkenaan dalam aspek APB, ASB dan perlesenan.
- Menganjur kursus latihan APB untuk industri farmaseutikal dan tradisional serta pelawat-pelawat luar negara
- Mengadakan perbincangan teknikal dengan industri farmaseutikal untuk meningkatkan tahap APB premis pengilang tempatan
- Mengumpul maklumat berkaitan industri farmaseutikal dan tradisional
- Mengeluarkan Perakuan APB dan mengesahkan salinan dokumen-dokmen berkaitan lesen

PENCAPAIAN

Pemeriksaan APB

Sebanyak 120 pemeriksaan APB telah dijalankan pada tahun 1999, berbanding dengan 111 pada tahun 1998. Pemeriksaan tersebut meliputi 23 premis pengilang keluaran racun, 24 keluaran bukan racun, 73 ubat tradisional , 1 kosmetik dan 1 keluaran veterinar. Pencapaian ini adalah 20 % melebihi sasaran yang ditetapkan dan menunjukkan peningkatan sebanyak 8.1 % daripada jumlah pemeriksaan tahun 1998. **Rajah 5** menunjukkan bilangan pemeriksaan APB yang dijalankan daripada 1995 hingga 1999.

GMP AND LICENSING DIVISION

OBJECTIVES

The main objective of this division is to ensure that pharmaceutical and traditional medicine manufacturing premises adhere to the requirements of Good Manufacturing Practice (GMP). This division also co-operates with State Pharmacy Enforcement Units to ensure that the premises of importers and wholesalers adhere to Good Storage Practice (GSP).

ACTIVITIES

This division carries out the following activities :

- *Inspection of premises for manufacturers, importers and wholesalers of registered products*
- *Processing of licence applications for manufacturers, importers and wholesalers of registered products*
- *Issuance of additional lists of registered products*
- *Evaluation of lay-out plans for manufacturing premises for registered products*
- *Advisory service to relevant industries on technical aspects regarding GMP, GSP and licensing*
- *Training courses for pharmaceutical and traditional medicines industries and also overseas visitors*
- *Technical discussions with pharmaceutical industries to upgrade the GMP standard of local manufacturing premises*
- *Collection of information related to pharmaceutical and traditional industries*
- *Issuance of GMP certificates and endorsement of licence related documents*

ACHIEVEMENTS

GMP Inspection

A total of 120 inspections were conducted in 1999 as compared with 111 in 1998. These inspections included 23 premises for scheduled poisons manufacturers, 24 non-scheduled poisons, 73 traditional medicines, 1 cosmetic and 1 veterinary medicine. This achievement is 20% more than the targeted output and it shows an increase of 8.1 % performance output, as compared to the output for 1998. ***Figure 5*** *shows the number of GMP inspections carried out since 1995 until 1999.*

Rajah 5: Pemeriksaan APB Premis Pengilang, 1995-1999
Figure 5: GMP Inspection Of Manufacturing Premises, 1995 - 1999



Penilaian Pelan Premis Pengilang

Sejumlah 62 pelan susun-atur premis pengilang baru dan sediada telah dinilai, termasuk 4 premis pengilang keluaran racun, 4 keluaran bukan racun, 47 ubat tradisional , 6 kosmetik dan 1 farmasi hospital. Pencapaian ini telah menurun 55.4 % berbanding dengan bilangan tahun 1998.

Dari segi kadar pertumbuhan premis berlesen, **Rajah 6** menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan bagi jumlah premis adalah 5.8 % bagi tahun 1999 berbanding 15.7 % pada tahun 1998.

Evaluation of Manufacturing Premises Lay-out Plans

A total of 62 lay-out plans for new and existing manufacturing premises were evaluated, which included 4 premises of scheduled poisons manufacturers, 4 non-scheduled poisons, 47 traditional medicines, 6 cosmetics and 1 hospital pharmacy unit. This shows a 55.4% drop, as compared to 1998.

*With respect to growth rates of licensed premises, **Figure 6** shows the growth profile for 1988 until 1999, whereby the growth for 1999 is 5.8 %, as compared to 15.7 % for 1998.*

Rajah 6: Kadar Pertumbuhan Premis Berlesen, 1988-1999
Figure 6: Growth Rate of Licensed Premises, 1988 - 1999



	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Manufacturer	17.4	-7.4	32	0	30.3	6.9	28.3	5.08	19.4	43.2	37.7	30.1
Importer	8	-12.6	9.6	-4.4	23	20.6	-1.55	-11	40.7	-7.6	74.1	3.1
Wholesaler	16.1	-16.1	23.2	-4.3	77	116.8	2.2	15.6	-22.8	1.2	11.8	-0.9
Total	13.5	-14.2	19.7	-3.9	56	84.5	-0.5	10.9	-12.5	3.3	15.7	5.8

Khidmat Nasihat

Pada tahun 1999 sebanyak 196 khidmat nasihat dan bimbingan telah diberikan kepada pengilang atau pengusaha, berbanding dengan 185 pada tahun 1998 dan 140 pada tahun 1997. Daripada jumlah yang dicapai, 15 adalah berkaitan APB keluaran racun, 8 bukan racun, 153 ubat tradisional, 5 kosmetik, 1 peralatan perubatan, 7 keluaran veterinar dan 7 berkaitan ASB. **Rajah 7** menunjukkan bilangan khidmat nasihat yang diberikan daripada tahun 1997 hingga 1999.

Advisory Service

*In 1999, a total of 196 advisory services were given to the relevant industries, as compared to 185 in 1998 and 140 in 1997. For 1999, 15 of them were related to premises of scheduled poisons, 8 non-scheduled poisons, 153 traditional medicines, 5 cosmetics, 1 medical device, 7 veterinary medicines and 7 related to GSP. **Figure 7** shows the statistic from 1997 to 1999.*

Rajah 7: Khidmat Nasihat APB
Figure 7: GMP Advisory Service



	1990	1998	1999	1999
Total	140	185	196	
GSP				7
Veterinary				7
Medical Device				1
Cosmetic				5
Traditional				153
OTC				8
Scheduled Poison				15

Pemprosesan Lesen

- *Lesen Pengilang*

Sebanyak 237 permohonan lesen pengilang telah diproses pada tahun 1999, berbanding 148 pada tahun 1998 dan 100 pada tahun 1997. Daripada jumlah ini, 63 adalah permohonan baru manakala 174 lagi adalah pembaharuan. Pencapaian ini adalah sebanyak 2.37 kali ganda sasaran yang ditetapkan.

- Lesen Pengimport

Bagi lesen pengimport, sebanyak 305 permohonan telah diterima dan diproses. Daripada jumlah ini, 73 adalah permohonan baru dan 232 pembaharuan. Bilangan permohonan didapati telah meningkat berbanding 255 pada tahun 1998 dan 171 pada tahun 1997. Pencapaian ini juga adalah 22 % melebihi sasaran yang ditetapkan.

- Lesen Pemborong

Bilangan permohonan lesen pemborong yang diproses juga telah meningkat kepada 985, dimana 69 adalah permohonan baru dan 918 pembaharuan. Pencapaian ini adalah 40 % melebihi sasaran yang ditetapkan. Peningkatan ini begitu ketara sekali berbanding jumlah 705 pada tahun 1998 dan 642 pada tahun 1997.

Data mengenai jumlah lesen yang diproses daripada tahun 1995 hingga 1999 dipaparkan dalam **Rajah 8**. Pada keseluruhan, statistik ini menunjukkan bahawa jumlah lesen yang diproses telah meningkat tahun demi tahun.

Licence Processing

- *Manufacturers Licence*

A total of 237 applications for manufacturers licences were processed in 1999, compared to 148 in 1998 and 100 in 1997. From this total number, 63 applications are new applications whereas the remaining 174 are renewals. This performance achievement is 2.37 times more than the targeted output.

- *Importers Licence*

A total of 305 applications were received and processed for importers license. From this total, 73 applications are new applications, whereas the remaining 232 are renewals. The number of applications has increased significantly, compared to 255 in 1998 and 171 in 1997. The 1999 performance achievement is 22% more than the targeted output.

- *Wholesalers Licence*

The number of applications processed for wholesalers license has increased to 985, whereby 69 of them are new applications and 918 are renewals. This achievement shows 40% more than the targeted output specification. The increase is significant, as compared with 705 in 1998 and 642 in 1997.

*The overall statistic for processing of licenses from 1995 until 1999 is presented in **Figure 8**. On the whole, it shows that the number of licenses processed had increased year by year.*

Rajah 8: Pemprosesan Lesen, 1995-1999
Figure 8: Processing Of Licences, 1995 - 1999



	1995	1996	1997	1998	1999
Total	719	827	916	1108	1527
Wholesaler	544	596	642	705	985
Importer	113	159	171	255	305
Manufacturer	62	72	103	148	237

- Premis Berlesen

Rajah 9 menunjukkan jumlah premis berlesen daripada tahun 1987 sehingga 1999. Jumlah bilangan premis bagi tahun 1999 telah meningkat kepada 1,131 berbanding 1,076 pada tahun 1998.

- *Licensed Premises*

***Figure 9** shows the number of licensed premises from 1987 until 1999. For 1999, the number has increased to 1,131 as compared to 1,076 in 1998.*

Rajah 9: Bilangan Premis Berlesen, 1987-1999
Figure 9: Number Of Licensed Premises, 1987 - 1999



	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Importer	23	27	25	33	33	43	46	59	62	74	106	146	190
Manufacturer	88	95	83	91	87	107	129	127	113	159	147	256	264
Wholesaler	155	180	151	186	178	315	683	668	772	596	603	674	677
Total	266	302	259	310	298	465	858	854	947	829	856	1076	1131

Rajah 10 menunjukkan taburan geografi mengikut negeri premis-premis berlesen bagi tahun 1999. Negeri Selangor mencatatkan jumlah yang tertinggi, diikuti oleh Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

***Figure 10** shows the geographical distribution of licensed premises according to states for 1999. Selangor recorded the highest number, followed by Wilayah Persekutuan and Pulau Pinang.*

Rajah 11 menunjukkan bilangan premis pengilang berlesen mengikut kategori bagi tahun 1999, dimana 55 adalah pengilang farmaseutikal, 131 pengilang tradisional dan 4 pula pengilang kosmetik, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 190.

***Figure 11** shows the total number of 190 licensed manufacturers according to categories for 1999, whereby 55 are pharmaceutical, 131 traditional medicines and 4 cosmetics.*

Rajah 10: Taburan Geografi Premis Berlesen, 1999
Figure 10: Geographical Distribution Of Licensed Premises, 1999



	Joh	Ked	Kel	Mel	NS	Phg	Prk	Prs	PP	Sab	Swk	Sel	Trg	WP
Manufacturer	26	19	5	15	3	0	16	1	24	0	3	61	1	16
Importer	9	4	1	2	1	0	8	0	21	2	6	131	0	79
Wholesaler	56	23	38	19	10	29	76	1	67	72	88	110	23	56
Total	91	46	44	36	14	29	100	2	112	74	97	302	24	167

Rajah 11: Kategori Premis Pengilang Berlesen, 1999
Figure 11: Categories Of Licensed Manufacturing Premises, 1999



	Joh	Ked	Kel	Mel	NS	Phg	Prk	Prs	PP	Sab	Swk	Sel	Trg	WP
Pharmaceutical	5	3	1	2	1	0	3	0	10	0	0	26	0	4
Traditional	20	16	4	13	2	0	13	1	13	0	3	34	1	11
Cosmetic	1								1			1		1
Total	26	19	5	15	3	0	16	1	24	0	3	61	1	16

Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar

Jumlah permohonan yang diproses pada tahun 1999 adalah sebanyak 314 dan melibatkan sebanyak 1,928 produk, berbanding 343 permohonan dan 1,844 produk pada tahun 1998. Walaupun bilangan permohonan didapati telah menurun tetapi bilangan produk telah meningkat. Statistik bagi tahun 1998 dan 1999 digambarkan dalam **Rajah 12.**

Additional Lists for Registered Products

The total number of applications that were processed in 1999 was 314 and they included a total of 1,928 registered products, as compared with 343 applications and 1,844 products in 1998. Although the number of applications shows decrease, the total number of products has actually increased. Statistics for 1998 and 1999 are shown in ***Figure 12.***

Rajah 12: Pengeluaran Senarai Tambahan Produk, 1998-1999
Figure 12: Issuance Of Additional Registered Product List 1998 - 1999



Pertukaran Pemegang Lesen

Sebanyak 47 permohonan pertukaran pemegang lesen telah diproses, di mana 9 adalah untuk pengilang, 11 pengimport dan 27 pemborong. Bilangan yang dicapai adalah 38.2 % lebih daripada tahun 1998. Statistik bagi tahun 1997 hingga 1999 dipaparkan dalam **Rajah 13.**

Change of Licence Holder

A total of 47 applications for change of licence holders were processed, whereby 9 were manufacturers, 11 importers and 27 wholesalers. The number of applications processed is 38.2% more than that for 1998. Statistics for 1997 to 1999 are presented in ***Figure 13.***

Rajah 13: Permohonan Pertukaran Pemegang, 1997 - 1999
Figure 13: Application For Change Of Holder, 1997 - 1999



Perakuan APB Untuk Tujuan Eksport

Pada tahun 1999 jumlah perakuan APB yang dikeluarkan adalah sebanyak 119, berbanding 124 pada tahun 1998 dan 80 pada tahun 1997 **(Rajah 14)**. Sijil berkenaan adalah bagi negara-negara seperti Vietnam, Hong Kong, Filipina, Brazil, Cambodia, Bahrain, Qatar, United Arab Emirates, Namibia, Peru, Myanmar, Indonesia, Singapore, Australia, Iraq, Oman, Poland, Saudi Arabia, Barbados, Slovakia, Tanzania, Thailand, Taiwan, Bulgaria, Egypt, Pakistan, Sri Lanka, Maldives, Canada, Papua New Guinea, Dominican Republic, Yemen, Khazakhstan, China, Honduras, Lithuania, Malta, India, Brunei Darussalam, Romania dan Kenya.

GMP Certification

*In 1999, the total number of GMP certificates issued was 119, as compared with 124 in 1998 and 80 in 1997 **(Figure 14)**. These certificates are for countries such as Vietnam, Hong Kong, Philippines, Brazil, Cambodia, Bahrain, Qatar, United Arab Emirates, Namibia, Peru, Myanmar, Indonesia, Singapore, Australia, Iraq, Oman, Poland, Saudi Arabia, Barbados, Slovakia, Tanzania, Thailand, Taiwan, Bulgaria, Egypt, Pakistan, Sri Lanka, Maldives, Canada, Papua New Guinea, Dominican Republic, Yemen, Khazakhstan, China, Honduras, Lithuania, Malta, India, Brunei Darussalam, Romania and Kenya.*

Rajah 14: Permohonan Sijil APB, 1997-1999
Figure 14: Application Of GMP Certificates, 1997-1999



Tindakan Punitif

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menggantung sementara lesen pengilang bagi 5 premis farmaseutikal kerana gagal mematuhi keperluan APB. Pada tahun 1998, sebanyak 3 premis telah digantung lesen pengilangan dan 6 premis pula pada tahun 1997.

Dialog Dengan Industri

Bahagian ini telah menyelaraskan beberapa sessi dialog dengan persatuan-persatuan industri termasuk Persatuan Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA), Malaysian Organisation of Pharmaceutical Indsutries (MOPI) dan Federation of Malaysian Manufacturers - Malaysian Cosmetic and Toiletries Industry Group (FMM MCTIG.).

Punitive Actions

In 1999, manufacturing licences for 5 pharmaceutical premises were temporarily suspended because of major non-compliances to GMP. In 1998, 3 manufacturing premises were temporarily suspended, compared to 6 suspensions in 1997.

Dialogues with Industries

This division coordinated dialogue sessions with industry associations such as the Persatuan Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA), Malaysian Organization of Pharmaceutical Industries (MOPI) and the Federation of Malaysian Manufacturers-Malaysian Cosmetic and Toiletries Industry Group (FMM- MCTIG).

Satu kumpulan kerja teknikal yang dikenali sebagai Pharmaceutical GMP Technical Working Group (TWG) telah ditubuhkan untuk membincang isu-isu dan mengatasi masalah-masalah berkaitan APB farmaseutikal. Kumpulan ini telah mengenalpasti beberapa aspek seperti program latihan APB bercorak modul untuk jangka panjang termasuk aspek kawalan mutu, keperluan validasi, penggunaan garis panduan APB European Commission (Eudralex) dan lain-lain isu yang berkaitan.

Usahasama Dengan Unit Penguatkuasa Farmasi Negeri (UPFN)

Satu program usahasama dengan setiap UPFN telah dijalankan khususnya untuk membantu dalam menjalankan pemeriksaan APB bagi premis pengilang ubat tradisional. Sebuah Skim Inspektorat Kebangsaan yang melibatkan lebih kurang 30 orang pemeriksa serta pemeriksa kontrak APB telah ditubuhkan di bawah naungan Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Seramai 14 orang pemeriksa kontrak, seorang dari setiap UPFN telah dilantik untuk menyertai inspektorat ini.

Pertubuhan Pusat Industri Farmaseutikal

Pembinaan pusat tersebut yang merangkumi kawasan kilang contoh, ruangan sumber maklumat dan ruangan untuk pameran telah dilaksanakan, walaupun terpaksa dibuat secara berperingkat. Cadangan untuk rangkaian sistem komputer, khusus untuk pusat tersebut telah dikemukakan untuk pertimbangan pihak berkenaan.

Permohonan Untuk Menjadi Ahli Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S)

Dua orang pegawai dari bahagian ini telah menghadiri seminar PIC/S 1999 yang diadakan di Oxford, United Kingdom, sebagai langkah permulaan untuk menjalin hubungan dan memahami lebih mendalam syarat-syarat kemasukan PIC/S. Permohonan untuk menjadi ahli PIC/S telah mula-mula dikemukakan pada bulan Oktober 1999. Beberapa dokumen berkaitan termasuk Manual Kualiti telah disediakan. Malaysia juga telah menjemput wakil PIC/S untuk menyampaikan ceramah mengenai peranan dan aktiviti PIC/S pada Seminar Regulatori Farmaseutikal dan Kosmetik 1999 yang diadakan pada bulan Oktober 1999.

A Pharmaceutical GMP Technical Working Group (TWG) was established in 1999 to discuss pertinent issues and resolve problems related to pharmaceutical GMP. This TWG has already identified a few areas of interest such as quality control, validation requirements, adoption of European Commission (Eudralex) GMP Guidelines and other relevant technical issues.

Co-Operation With State Pharmacy Enforcement Units

The National Inspectorate Scheme comprising of about 30 GMP inspectors and sub-contract inspectors was established under the Pharmaceutical Services Division, Ministry of Health Malaysia. A total of 14 inspectors, one from each state was appointed as sub-contract GMP auditors. The aim of such co-operation was to work together in carrying out inspections of traditional medicine manufacturing premises throughout the country.

Establishment of Pharmaceutical Industry Centre

The proposed project includes a mock manufacturing facility, an information resource section and an exhibition area. Due to financial constraints, the physical construction of the centre was undertaken in stages. The funding for the proposed computerised networking system for the centre has already been submitted to the relevant department for consideration and approval.

Application To Be A Member of The Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S)

Two officers from this division attended the PIC/S 1999 Seminar that was held in Oxford, United Kingdom in September 1999. This was an initial step towards establishing a close working relationship and also to understand further about the conditions for being a member of PIC/S. Malaysia's application to be a member of PIC/S was first submitted in October 1999. Several documents including the GMP Quality Manual were presented to PIC/S. Malaysia also invited a representative from PIC/S to present a paper on the role and activities of PIC/S at the Pharmaceutical and Cosmetic 1999 Regulatory Seminar that was held in October 1999.

Garis Panduan APB Kosmetik

Kumpulan Kerja Teknikal APB Kosmetik telah menyediakan draf garis panduan berkenaan dalam dua bahasa. Draf dokumen berkenaan juga telah dikemukakan kepada Asean Consulatative Committee for Standards and Quality (ACCSQ) Product Working Group for Cosmetic untuk dipertimbangkan dan diterima-pakai sebagai Garis Panduan APB Kosmetik ASEAN.

Kajian Semula Garis Panduan Fail Induk Pengilang

Bahagian ini telah mengkaji semula garis panduan berkenaan Edisi Pertama (Oktober 1994), agar selaras dengan keperluan PIC/S. Draf Edisi Kedua yang disediakan juga memuatkan terjemahan dalam Bahasa Malaysia, khususnya untuk diguna-pakai oleh pengilang ubat tradisional.

Persediaan Untuk ISO 9000

Selaras dengan usaha BPFK untuk mendapatkan pensijilan ISO 9000 yang diperakui oleh SIRIM, bahagian ini juga telah menyediakan prosedur-prosedur kualiti yang berkaitan dengan skop pemeriksaan dan pelesenan termasuk Manual Kualiti.

Kajiselidik Industri Farmaseutikal dan Tradisional

Satu kajiselidik yang bertujuan untuk mengkaji perkembangan industri farmaseutikal dan tradisional tempatan termasuk pengilang dan pengimport telah dijalankan. Aspek-aspek seperti hak milikan, nilai pelaburan, nilai jualan, nilai eksport, nilai import, pelaburan untuk R & D, pelaburan untuk peralatan, bilangan personel, perbelanjaan untuk latihan, aktiviti kontrak dan lain-lain telah dikaji.

Kursus-kursus yang dianjurkan

Bahagian ini telah bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak dan membantu dalam menganjurkan Seminar Ubat Tradisional yang diadakan di Sabah dan Sarawak pada bulan April 1999. Pada bulan Mei dan Jun, bahagian ini telah menyelaraskan beberapa program latihan termasuk 11 bengkel validasi anjuran bersama dengan MOPI di mana sejumlah 510 peserta industri dan BPFK telah menghadiri program ini.

Bahagian ini juga telah mengelolakan kursus APB selama 4 hari pada bulan Ogos, September dan Oktober untuk 12 Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri. Pegawai-pegawai berkenaan telah dilantik sebagai pemeriksa kontrak APB khususnya untuk premis pengilang tradisional.

Cosmetic GMP Guidelines

The Cosmetic GMP Technical Working Group has completed the draft guidelines in two separate languages. The draft document has also been presented to the Asean Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ) Product Working Group for Cosmetics for consideration and adoption as the ASEAN Cosmetic GMP Guidelines.

Revised Guidelines For Site Master File

The Guidelines for Site Master File, First Edition (October 1994) was reviewed to meet the requirements of PIC/S. The draft for the Second Edition was also translated into Bahasa Malaysia, in view of extending their applications to traditional medicine manufacturers.

Preparation for ISO 9000

In tandem with NPCB's efforts to obtain the ISO 9000 Certification by SIRIM, this division has prepared quality procedures relevant to the scope of inspection and licensing.

Survey of Pharmaceutical and Traditional Industries

A survey was conducted to study the development of the local pharmaceutical and traditional industries. Various aspects such as ownerships, investment values, sales values, export values, import values, investments in R & D, investments for equipment, number of personnel, expenditures for training, contract activities and others are included in the survey.

Courses Conducted

This division has worked together with the Sabah and Sarawak State Health Departments in organizing the Traditional Medicine Seminar, held in Sabah and Sarawak in April 1999. In May and June, a series of 11 validation workshops were jointly organized with MOPI, whereby a total of 510 participants from the industries and NPCB attended.

This division also conducts GMP courses, duration of 4 days in August, September and October for State Pharmacy Enforcement Officers. These officers were appointed as GMP sub-contract inspectors to assist mainly in inspection of traditional medicine manufacturing premises.

RANCANGAN UNTUK TAHUN 2000

Usahasama Pemeriksaan APB

Usahasama dengan UPFN dan BPKP, BAU dan BSF akan terus dipergiatkan untuk memantapkan Skim Inspektorat Kebangsaan dan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan skim pelesenan, khususnya untuk premis pengilang ubat tradisional.

Pusat Industri Farmaseutikal

Langkah-langkah akan diambil untuk mengubahsuai dan melengkapkan infrastruktur dengan kemudahan-kemudahan asas termasuk perabot, peralatan pejabat dan lain-lain agar pusat berkenaan dapat berfungsi sebagai pusat bimbingan industri tempatan sepertimana yang dirancangkan. Jawatan-jawatan baru untuk membolehkan pusat berkenaan beroperasi dengan licin akan dipohon.

Permohonan Keahlian PIC/S

Permohonan menggunakan format baru serta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan akan dimajukan kepada Urusetia PIC/S. Kerjasama serta hubungan erat dengan PIC/S akan diperkukuhkan. Program latihan untuk pemeriksa dan pemeriksa kontrak APB akan dijalankan untuk meningkatkan kecekapan dalam bidang pemeriksaan selaras dengan piawaian antarabangsa.

Harmonisasi Kosmetik ASEAN

Bagi aspek APB, usaha-usaha gigih perlu diselaraskan dengan industri kosmetik tempatan serta pihak-pihak berkuasa negara-negara ASEAN lain untuk mewujudkan satu garis panduan APB kosmetik yang sesuai untuk diguna-pakai oleh semua negara ASEAN, dibawah program ACCSQ (Cosmetic).

Latihan APB Bercorak Modul

Program latihan APB untuk jangka panjang akan dirangka dan modul-modul yang sesuai akan dikenalpasti untuk meningkatkan kecekapan dan keterampilan personel-personel yang terlibat dalam bidang pengeluaran dan kawalan mutu disektor industri. Projek ini akan dikelolakan bersama dengan MOPI.

PLANS FOR YEAR 2000

GMP Inspection Co-Operation

Co-operation between various divisions within NPCB and State Pharmacy Enforcement Units will be enhanced to strengthen the National Inspectorate Scheme and to further strengthen enforcement of the licensing scheme, especially for traditional medicine manufacturing premises.

Pharmaceutical Industry Centre

Further steps will be taken to furnish the centre with basic facilities such as furniture, office equipment and other miscellaneous items to enable the centre to function as a guidance centre for the local industries. New posts for personnel will be put up to enable the centre to operate smoothly.

Application of PIC/S Membership

The new application format together with other supporting documents will be submitted to the PIC/S Secretariat. Co-operation and close working relationship with PIC/S will be strengthened. Training programmme for GMP inspectors and sub-contract inspectors will be conducted to improve their capability in the field of inspection, in accordance with international standards.

ASEAN Cosmetic Harmonization

With regards to GMP, the cosmetic industries and ASEAN regulatory authorities need to work hand in hand to establish and adopt the ASEAN Cosmetic GMP Guidelines that is suitable for all ASEAN countries, as proposed under the ACCSQ (Cosmetic) programme.

GMP Modular Training

A well-planned and long term GMP training programme, based on appropriate modules will be conducted to increase the skill and capabilities of personnel involved in production and quality control in the industry sector. This programme will be jointly organized with MOPI.

BAHAGIAN SURVEILANS DAN FARMAKOVIGILANS

OBJEKTIF

Objektif Bahagian Surveilans dan Farmakovigilans adalah untuk memastikan secara berterusan kesemua keluaran yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah adalah selamat, berefikasi dan memenuhi tahap kualiti yang diiktiraf.

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 1999, program surveilans telah menyaksikan peningkatan sebanyak 128.9% dalam jumlah sampel keluaran untuk tujuan kajian kualiti berbanding pada tahun 1998. Julat dan bilangan sampel keluaran untuk tujuan surveilans telah meningkat dengan adanya kerjasama pegawai unit penguatkuasa farmasi negeri dimana dengan mereka membantu dalam pungutan sampel keluaran daripada premis pemegang lesen disemua negeri.

Manakala program pemonitoran kesan advers ubat telah berjaya mencapai satu peningkatan baru iaitu dengan penambahan sebanyak 45.1% dalam jumlah laporan yang diterima sepanjang tahun 1999 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kesedaran mengenai kepentingan kualiti keluaran oleh pihak pengguna juga telah menyebabkan peningkatan dalam bilangan aduan keluaran yang telah diterima.

SURVEILLANCE & PHARMACOVIGILANCE DIVISION

OBJECTIVE

The objective of the Surveillance and Pharmacovigilance Division is to ensure that products registered by the Drug Control Authority are safe, efficacious and meet the established standards of quality.

ACHIEVEMENTS

During the year 1999, the surveillance programme saw a 128.9% increase in the number of products sampled for quality testing as compared to 1998. The range and number of products sampled for surveillance was increased through the assistance of the state pharmacy enforcements officers who supplemented the activities of the surveillance officers by collecting samples of products from the premise of the registration holders throughout the country.

The adverse drug reactions monitoring programme also achieved new heights with an increase of 45.1% in the number of reports received in 1999 as compared to the previous year.

Awareness of this division also appears to have increased as demonstrated by the rising number of product complaints which were received.

Rajah 15: Aktiviti Surveilans
Figure 15: Surveillance Activities



	1996	1997	1998	1999
No. of products sampled	531	602	714	1635
No. of ADR reports received	530	602	603	875
No. of complaints received	55	97	111	151

Penyiasatan terhadap semua keluaran yang terdapat di premis 4 syarikat jualan langsung telah diadakan bersama dengan bantuan daripada pegawai Unit Penguatkuasa Farmasi Negeri Selangor.

Inspection of all products available at the premises of 4 direct selling companies were conducted together with the assistance of the Selangor state pharmacy enforcement officers.

Surveilans

Sejumlah 1635 keluaran berdaftar yang digunakan di Malaysia telah dikaji sepanjang program ini dan 1584 keluaran tersebut telah dihantar ke makmal untuk diuji. Didapati daripada 1083 keluaran yang telah diuji sepanjang tahun ini, 204 sampel keluaran telah gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan **(Rajah 16).**

Surveillance

A total of 1635 products registered for use in Malaysia were sampled through this programme of which a total of 1584 products were sent for laboratory testing. 204 samples out of 1083 products tested during the year failed to the meet the accepted standards ***(Figure 16).***

Rajah 16: Keputusan Ujian Sampel Surveilans
Figure 16: Test Results Of Surveillance Samples



Panggilbalik

Arahan telah dikeluarkan untuk membuat panggilbalik terhadap 113 kelompok keluaran dimana 14 daripadanya merupakan keluaran racun berjadual, 7 adalah persediaaan bukan racun dan 92 adalah keluaran tradisional. Manakala 35 keluaran lagi (21-racun, 13-OTC, 1-tradisional) telah dipanggilbalik secara sukarela oleh pemegang pendaftaran keluaran berdasarkan aduan yang diterima terhadap keluaran tersebut.

Recalls

Instructions were issued for the recall of 113 batches of products of which 14 were products containing scheduled poisons, 7 were over-the-counter preparations and 92 were traditional medicines. 35 other products (21-poisons; 13-OTC;1-traditional) were recalled voluntarily by the product registration holders mainly based on product complaints.

Jadual 9: Panggilbalik Keluaran
Table 9: Product Recalls (directive and voluntary)

Tahun (Year)	1995	1996	1997	1998	1999		
Jumlah (Total)	35	37	32	93	148		
Kategori (Category) (A/X/T)					35	20	93

A= Racun (Poisons); X=OTC; T= Ubat Tradisional (Traditional Medicine)

Pemonitoran ADR

Dibawah program pemonitoran ADR, didapati peningkatan yang menggalakkan dalam bilangan laporan kesan advers ubat yang diterima sepanjang 1999 berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya **(Rajah 17).**

Sejumlah 15 ceramah/taklimat telah diadakan di beberapa tempat di seluruh negara sebagai satu usaha untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan program pemonitoran ADR dan laman web MADRAC (www.madrac.gov.my/madrac) yang mana ia telah digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan dengan isu keselamatan ubat. Laman web ini juga menyediakan satu perkhidmatan yang efektif untuk menerima laporan secara "on-line" dan penjelasan boleh dibuat secara terus kepada pelapor. Terdapat sejumlah 150 laporan telah dihantar menerusi laman web ini.

ADR Monitoring

Under the ADR monitoring programme, there was a marked increase in the number of adverse drug reaction reports received in 1999 as compared to previous years. ***(Figure 17)***

A total of 15 talks were conducted in several parts of the country in an effort to create awareness of the ADR monitoring program me and the MADRAC homepage (www.madrac.gov.my/madrac) which is being used to disseminate information pertaining to drug safety issues. The homepage has served as an effective means for receiving reports as correspondance and clarifications can be made almost immediately with the reporters. A total of 150 ADR reports were submitted through the homepage.

Rajah 17: Pemonitoran ADR: Kadar Laporan 1987-1999
Figure 17: ADR Monitoring: Reporting Rate 1987-1999



Rajah 18 meninjukkan bilangan laporan yang diterima daripada pelbagai negeri dan didapati bahawa sebahagian besar laporan yang diterima adalah daripada Hospital Besar Kuala Lumpur.

*The reporting rate from the various states is as shown in **Figure 18** with the highest number of reports being submitted from the Kuala Lumpur General Hospital.*

Rajah 18: Kadar Laporan Berdasarkan Negeri
Figure 18: Reporting Rate by State 1999



Usaha telah dijalankan untuk menggalakkan penglibatan daripada pelbagai bidang untuk mempertingkatkan kadar laporan ADR dimana sebelum ini kebanyakan laporan adalah daripada doktor dari sektor awam. Hasil daripada tindakan ini, satu peningkatan yang positif dalam bilangan laporan ADR telah diterima daripada ahli farmasi dan sektor swasta menerusi usaha daripada industri farmaseutikal **(Rajah 19).**

*Efforts were made to encourage a multidisciplinary approach to improve the reporting rate of ADRs which previously relied mainly on doctors in the public sector. As a result of this, an increase in ADR reporting by pharmacists and the private sector through the efforts of the pharmaceutical industry was seen **(Figure 19).***

Latihan

Satu lawatan sehari ke Unit Kosmetik, Kementerian Kesihatan Singapura telah di adakan untuk mengkaji sistem surveilans bagi pemonitoran kualiti dan keselamatan keluaran kosmetik.

Kursus latihan pemonitoran ADR yang dikelolakan oleh Uppsala Monitoring Centre di Sweden telah diikuti oleh Abida Syed Haq.

Training

A one-day visit to the Cosmetic Unit, Ministry of Health Singapore was conducted to study the surveillance system for monitoring the quality and safety of cosmetic products.

The training course on ADR monitoring organised by the Uppsala Monitoring Centre in Sweden was attended by Abida Syed Haq.

Rajah 19: Sumber Laporan
Figure 19: Source Of Reports



	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1988	1999
Government doctors	10	32	36	39	87	129	193	191	303	419	473	469	607
Pharmacists	0	3	2	1	12	6	2	9	27	40	62	61	141
Private practitioners	0	2	2	4	51	81	68	33	70	61	51	44	66
Industry	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	18	54
University	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	16	11	7

RANCANGAN UNTUK MASA DEPAN

Bahagian ini bercadang untuk memperkembangkan lagi peranannnya dalam pengurusan surveilans untuk semua keluaran kosmetik dan veterinar selepas ia didaftarkan bermula pada tahun 2000.

Menjelang tahun 2000 ini juga, satu sistem yang lebih baik telah dirangka dengan kerjasama daripada pihak Pusat Kesihatan Umum untuk melaksanakan surveilans peristiwa advers yang berlaku selepas setiap immunisasi.

Selain daripada itu, satu edisi terbaru mengenai panduan kerja terhadap sistem pemonitoran ADR juga telah dirancang untuk diperkenalkan pada tahun tersebut.

FUTURE PLANS

The surveillance division will expand its role to conduct surveillance of cosmetics and veterinary products after registration of these products begins in the year 2000.

An improved system for surveillance of adverse events following immunisation in collaboration with the Public Health Division is being planned for the year 2000.

A new edition of the manual on ADR monitoring is also being planned to be produced in the year 2000.

BAHAGIAN ANALISIS UBAT

OBJEKTIF

Bahagian Analisis Ubat (BAU) meneruskan peranan yang efektif dalam kawalan kualiti produk yang merupakan satu komponen penting dalam penilaian produk farmaseutikal. Ujian yang dijalankan meliputi ujian-ujian kimia, fizikal, mikrobiologi, farmakologi dan toksikologi, yang merangkumi berbagai-bagai jenis ujian seperti ujian identifikasi, berjenis-jenis ujian had, penentuan kandungan bahan dalam produk dan juga penelitian kepada pelbagai parameter prestasi dosis. Kriteria untuk penerimaan keputusan ujian berasaskan kepada farmakopia, spesifikasi dalaman atau had/spesifikasi pengilang.

PENCAPAIAN

Pencapaian BAU bagi tahun 1999 diringkaskan seperti berikut.

Beban Kerja

Sepanjang tahun 1999, BAU telah menguji sebanyak 4583 sampel **(Rajah 20)** dan menjalankan 27235 ujian **(Rajah 23**). Berbanding dengan pencapaian di tahun 1998, bilangan sampel yang diuji telah menurun sebanyak 6.9% sementara bilangan ujian yang dilakukan telah meningkat sebanyak 14.9%. Kos penganalisaan yang diterima juga telah berkurangan sebanyak 34.3% dengan hanya RM 500,541 dipungut untuk tahun 1999.

DRUG ANALYSIS DIVISION

OBJECTIVE

Drug Analysis Division (DAD) continues to play an effective role in quality control assessment of products which constitute an important component of pharmaceutical product evaluation. The tests conducted include chemical, physical, microbiological, pharmacological and toxicological, covering various types such as identification tests, the various limit tests, quantitation of the content in the product and also assessing the various dosage performance parameters. Acceptance criteria are based on pharmacopoeial, in-house or manufacturers limits and specifications.

ACHIEVEMENTS

The achievements of DAD in 1999 are summarised as follows:-

Workload

*Throughout the year 1999, DAD had analysed a total of 4583 samples **(Figure 20)** which generated a total of 27235 tests **(Figure 23).** In comparison to the achievement in 1998, the number of samples analysed were reduced by 6.9% while the number of tests done were increased by 14.9%. The collection of analytical fees had been reduced by 34.3% with only RM 500,541 collected for the year 1999.*

Rajah 20: Bilangan Sampel Diuji
Figure 20: Number Of Samples Tested



Rajah 21: Jenis Sampel Diterima
Figure 21: Types Of Samples Received



Rajah 22: Perbandingan Sampel Ubat Tradisional Dengan Sampel Lain
Figure 22: Traditional Medicine Versus Other Samples



Rajah 23: Bilangan Ujian Dijalankan
Figure 23: Number of Tests Done



Rajah 24: Protokol Penganalisaan Diterima
Figure 24: Analytical Protocols Received



Penilaian tatacara dan protokol ujian

Sebanyak 984 protokol penganalisaan telah diterima pada tahun 1999. Terdapat penurunan sebanyak 5.3% jika dibandingkan dengan jumlah terimaan pada tahun 1998 **(Rajah 24).**

Pemeriksaan premis untuk pematuhan APB

Empat belas pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik (APB) telah dilakukan ke atas premis-premis pengilang farmaseutikal tempatan dan ini adalah lebih tinggi dari bilangan yang dilaporkan pada tahun 1998 (lapan premis).

Piawai Rujukan

Di tahun 1999 sejumlah 198 piawai rujukan (ASEAN/BPFK) telah dibekalkan kepada jabatan kerajaan dan ini merupakan penurunan kepada jumlah yang dilaporkan di tahun 1998 oleh kerana BPFK tidak perlu membuat pembekalan ke badan-badan kerajaan luar negera di tahun 1999. Walaupun begitu terda-pat peningkatan jualan tempatan piawai rujukan di tahun 1999 (329) berbanding dengan jualan yang dibuat dalam tahun 1998 (181).

GLP ASEAN

BAU telah berjaya mengendalikan kursus GLP peringkat ASEAN pada 23-24 November 1999 dengan penglibatan Dr. David Moore sebagai penasihat jangka pendek WHO.

The evaluation of testing methods and analytical protocols

984 analytical protocols were received in 1999 which showed a decrease of 5.3% from the number received in 1998 ***(Figure 24).***

Premise inspection for GMP compliance

Fourteen GLP inspections were done on the local pharmaceutical manufacturing premises and this was higher than the number reported in 1998 (eight premises)

Reference standards

In 1999 a total of 198 reference standards (ASEAN/NPCB) were supplied to government departments. The figure was lower than the 1998 report (884) since in 1999 NPCB was not required to send any standard to other government bodies overseas. However there was an increase in the standards sold locally in 1999 (329) compared to sales made in 1998 (181).

ASEAN GLP

DAD had successfully conducted an ASEAN GLP course from 23th till 24th November 1999 with the participation of Dr. David Moore as a WHO short-term consultant.

Pencapaian Profesional

Tahun 1999 melihat penglibatan profesional ahli BAU yang lebih aktif berbanding penglibatan di tahun 1998. Mr. Lai Lim Swee telah menghadiri Mesyuarat ke 17 ASEAN Working Group on Technical Cooperation in Pharmaceuticals di Bangkok, Thailand pada 24-26 Mac 1999. Dr. Sulaikah V.K. Moideen telah menjadi penasihat jangka pendek WHO dibidang kawalan mutu farmaseutikal (aspek mikrobiologi) di Vietnam dan menghadiri mesyuarat ke 105 Sesssion of the European Pharmacopoeia Commission yang masing-masing diadakan di Strasbourgh Negara Perancis pada 9-29 Mei and 23-25 November 1999.

